

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 5 APRIL 2018

RUJUKAN : 10655

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status pencarian Prasana Diksa, iaitu anak bongsu kepada Indira Gandhi, yang telah dilarikan oleh bapanya lapan tahun dahulu.

85

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak PDRM telah memulakan pencarian setelah Mahkamah Tinggi, Ipoh, Perak mengeluarkan perintah hak penjagaan ketigatiga anak kepada pengadu pada 11 Mac 2010. Mahkamah telah memberikan tempoh 7 hari kepada suspek untuk mengembalikan anak bongsunya kepada pengadu tapi suspek telah mengingkarinya.

PDRM telah mengesan penama Patmanathan A/L Krishnan @ Muhammad Ridzuan Bin Abdullah, KP 690526-08-5987 melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui alamat tempat tinggal yang pernah didiami oleh penama seperti berikut:

- a) No. 10-10A, Persiaran Pegoh 2, Taman Pengkalan Jaya, 31650 Ipoh, Perak;**
- b) No. 15, Persiaran Halaman Ampang 1, Taman Pelangi, 31350 Ipoh, Perak;**
- c) No. 17, Rancangan Perumahan Awam, Jelapang, 30020 Ipoh, Perak; dan**
- d) No. 39, Lorong Taman 2B, Taman Permata, 30100 Ipoh, Perak.**

Ketua Polis Daerah Ipoh telah memohon bantuan masyarakat untuk mengesan penama berkenaan melalui siaran akhbar pada 29 April 2016, namun sehingga kini tiada pihak yang tampil memberikan maklumat. PDRM turut menyenaraihitamkan penama

dan maklumat telah diedarkan kepada Jabatan Imigresen untuk mengesan serta menangkap suspek jika ada cubaan untuk melarikan diri keluar negara di seluruh pintu masuk dan keluar negara.